

## Empat Musim

(Tadika 2 Buku Besar 13 'Jaket Ibu')

### Gambaran Keseluruhan:

Menggunakan lagu untuk mengenalkan konsep cuaca kepada kanak-kanak.

### Matlamat Pembelajaran:

1. mempunyai minat untuk mempelajari Bahasa Melayu
2. membina kemahiran asas bahasa dan literasi

### Objektif Pengajaran:

Kanak-kanak berpeluang untuk:

1. mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti 'Empat Musim'
2. memberikan respons yang sesuai

### **#1 Memilih lagu yang sesuai**

- Guru memastikan lirik lagu yang dipilih pendek, berulang dan mudah difahami serta mempunyai melodi yang menarik.
- Guru mengajak kanak-kanak mendengar lagu 'Empat Musim'.



\* Guru menyediakan Carta Dinding Musim dan Roda Musim terlebih dahulu untuk digunakan dalam aktiviti lanjutan.



## **#2 Menggunakan aksi dan gerak yang sesuai bagi mengenalkan perkataan baharu**

- Guru mengajak kanak-kanak menyebut perkataan-perkataan dalam lagu.
- Guru menunjukkan aksi yang sesuai kepada kanak-kanak.



*Guru mengajak kanak-kanak melakukan aksi.*

## **#3 Mengulang lagu beberapa kali sebelum mengajak kanak-kanak bernyanyi sambil melakukan aksi yang sesuai**

- Guru mengajak kanak-kanak menyanyikan lagu ‘Empat Musim’ beberapa kali.
- Guru mengajak kanak-kanak menyanyi serta melakukan aksi lagu tersebut bersama guru.



*Guru mengajak kanak-kanak menyanyi lagu sambil melakukan aksi.*

**\* Aktiviti Lanjutan:**

Guru:



- menunjukkan Carta Dinding kepada kanak-kanak
- mengajak kanak-kanak berbual tentang Carta Dinding
- menanyakan kanak-kanak tentang cuaca di Singapura
- menunjukkan gambar roda musim kepada kanak-kanak
- mengajak kanak-kanak melukiskan gambar roda musim di atas pinggan kertas

**Penutup**

Guru mengajak kanak-kanak bercerita mengenai roda musim yang telah dihasilkan.